

## ABSTRAK

**Masalah disiplin pelajar remaja: Satu kajian kes pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Harun, Tanjong Karang, Selangor.**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti jenis masalah disiplin di kalangan pelajar tingkatan empat, punca-punca masalah disiplin dan meninjau pandangan pelajar tentang disiplin remaja sekolah ini sekarang. Punca masalah disiplin tertumpu kepada faktor diri sendiri, faktor persekitaran, faktor keluarga dan faktor sekolah. Data bagi kajian ini diperolehi melalui kajian Rekod Sekolah dan temubual dengan 10 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, 45500 Tanjong Karang, Selangor Darul Ehsan. Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan peratusan.

Dapatan daripada kajian ini ialah terdapat 18 jenis masalah disiplin yang pernah dilakukan oleh pelajar remaja, ialah ponteng sekolah, merupakan masalah yang paling tinggi, dan diikuti oleh pakaian tidak mengikut peraturan, ponteng aktiviti ko-kurikulum, berambut panjang, datang lewat ke sekolah, ponteng kelas, berkeliaran di kawasan sekolah, lewat menghadiri perhimpunan, menghisap rokok, mengganggu

- pengajaran dan pembelajaran, menulis surat cinta, menggunakan kata-kata dan perbuatan lucu, makan di kantin di luar waktu rehat, menyimpan rokok, mencuri, merosakkan harta benda sekolah, menipu melibatkan wang dan ponteng perhimpunan.

Kebanyakan pelajar yang dikaji adalah tidak menghadapi masalah peribadi, mereka tiada dorongan untuk belajar, tinggal di kawasan luar bandar, keluarga mereka tidak mementingkan pelajaran anak-anaknya, pelajar-pelajar ini datang daripada keluarga yang sederhana besar.

Menurut pandangan pelajar taraf disiplin sekolah ini adalah memuaskan kerana kebanyakan masalah disiplin adalah melibatkan perkara yang kecil. Selain daripada itu kawalan ketat oleh pihak sekolah mengukuhkan lagi disiplin sekolah.

## Abstract

### **The Adolescent Student Discipline Problems: A Case Study Form Four Student in Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjong Karang, Selangor.**

The main aims of this research is to identify all sort of disciplinary problems among form four student, the source of the disciplinary problems and students' view on adolescent discipline in the school. Basically this research focus on the main disciplinary problems namely student themselves, their environment, family and school. The research was based on the data from the School Record and the interview conducted on 10 form four students of Sekolah Menengah Dato' Harun, Tanjong Karang, Selangor.

Research finding showed that there are 18 disciplinary problems committed by the student. The problems are absentee which was regarded as serious problem; followed by illegal school uniform; purposely came to school late; leaving the class during lesson hour; refuse to attend the co-curriculum activities; attend assembly late; smoking, long, hair; loitering around compound; distracting during learning sessions; wrote love letters; using bad word and symbols; eating during class hours; stealing; vandalism; keep cigarettes secretly; keep hiding from attending the assembly and dishonest involving money.

This research found that most of the student do not have any individual problem. they don't have moral support to learn, live in rural area. facing bad family

attitude towards them and their studies. lack of opportunities as they came from a big family.

• The student agreed that the discipline in the school was very excellent and only a small number of disciplinary problems occurred. Besides that, the strict regulation carried out by the school help to strengthen the school discipline.